

B. H. 17 DEC 1970.

KUALA LUMPUR,

Rabu.—Bekas anggota Majlis Kerja Tertinggi UMNO Malaysia, Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengesahkan ia tidak akan menyertai UMNO sa-mula sekarang.

"Buat masa ini saya belum berhadang untuk kembali berjuang bersama UMNO," kata-nya.

Dr. Mahathir yang dihubungi dengan talipon di-klirik-nya di - Alor Setar berkata:

"Saya, bukan merajok sa-telah di-pechat, tetapi saya rasa pelaksanaan dasar UMNO masen tidak sesuai bagi saya untuk bersama berjuang sa-mula.

"Tetapi sa-telah dasar pelaksanaan-nya sesuai bagi saya nanti, insya Allah saya akan membuat kesimpulan baru.

Bergantung

"Soal sama ada saya akan menyertai UMNO sa-mula terpulang kepada saya sendiri, bukan bergantung kepada penchalunan dari Bahagian2 UMNO di-tanah ayer."

"Saya bukan ahli UMNO lagi, tentu ganjil kalau ada Bahagian2 UMNO yang mengambil keputusan supaya saya di-ambil sa-mula menjadi ahli parti itu," tegas-nya.

Dr. Mahathir juga mengaku pernah bertemu dengan Perdana Menteri, Tun Abdul Razak tidak berapa lama dulu. "tetapi saya tak mahu komen apa2."

Beliau menyeru Bahagian2 UMNO, yang telah membuat keputusan supaya ia di-terima menyertai UMNO sa-mula, supaya menarek balek keputusan tersebut.

"Saya harap tarek balek lah keputusan itu kerana saya bukan ahli UMNO lagi," kata-nya.

Dr. Mahathir tewas dalam pilihanraya umum bagi kawasan Parliemen Kota Setar Selatan tahun lalu dan kemudian di-pechat dari UMNO.